



TALKING POINT

YAB DATUK HJ. SULAIMAN BIN MD. ALI

KETUA MENTERI MELAKA

AMANAT KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan

Selamat Sejahtera

MUKADIMAH / PEMBUKA KATA

- Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana pada pagi yang berbahagia ini saya dapat meluangkan kesempatan bertemu secara maya bersama semua penjawat awam di negeri Melaka.
- Seperti mana kita sedia maklum, kerajaan melanjutkan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** sehingga **14 April 2020** dan rakyat di negeri Melaka khususnya penjawat

awam juga perlu mematuhi peraturan bagi memastikan penularan COVID-19 ini dapat dihentikan.

1. **WABAK COVID-19**

1.1 Wabak COVID-19 kini sudah menjadi pandemik di seluruh dunia dan negara kita Malaysia serta negeri Melaka juga tidak terkecuali. Sebagai penjawat awam, tuan-tuan dan puan-puan sewajarnya memahami situasi COVID-19 ini khususnya tentang keadaan semasa di negeri Melaka.

2. **PERANAN PENJAWAT AWAM DALAM MENGHADAPI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

2.1 Penjawat awam perlu menyedari bahawa Kerajaan Negeri Melaka begitu memandang serius dan mengambil berat bagi usaha mengekang penularan COVID-19 di negeri ini.

2.2 Sebahagian penjawat awam telah diarahkan supaya **Bekerja Dari Rumah (BDR)** berikutan arahan penutupan premis kerajaan.

2.3 Manakala sebahagian lagi penjawat awam telah diarahkan bertugas seperti biasa mengikut keperluan semasa.

- 2.4 Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan syabas dan tahniah kepada petugas barisan hadapan (*frontliner*) seperti doktor, jururawat, polis, tentera dan penjawat awam dari jabatan dan agensi berkaitan yang sanggup berkorban masa dan tenaga tidak kira siang dan malam semata-mata mahu memastikan rakyat di negeri Melaka bebas daripada penularan Covid-19.
- 2.5 Sesungguhnya jasa dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan amat besar ertinya kepada kerajaan dan rakyat Melaka. Tuan-tuan dan puan-puan adalah wira-wira yang tidak didendang.
- 2.6 Dalam tuan-tuan dan puan-puan menjalankan tugas masing-masing, para penjawat awam di barisan hadapan ini perlu terus memastikan kesihatan dijaga dan cekal dalam menggalas tanggungjawab perkhidmatan awam yang telah diamanahkan kepada anda.
- 2.7 Penjawat awam memang sudah dilatih dan dididik untuk mengutamakan tugas, jauh melebihi kepentingan sendiri.
- 2.8 Dalam hal ini, saya menyeru penjawat awam di negeri Melaka agar menjadi contoh yang baik buat masyarakat

dengan mematuhi arahan PKP yang sedang dilaksanakan ketika ini. Pada masa yang sama, anda juga boleh memainkan peranan yang berkesan kepada ahli keluarga dan anggota masyarakat dengan menasihatkan mereka supaya mematuhi arahan duduk di rumah (*stay at home*).

2.9 Bagi memastikan perkhidmatan penyampaian kerajaan akan terus dilaksanakan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa tindakan kawalan premis kerajaan seperti berikut :

2.9.1 Penjawat awam termasuk pegawai kanan dibenarkan untuk bekerja dari rumah. Pegawai dibenarkan untuk membawa pulang aset keperluan seperti laptop dan dokumen-dokumen yang bukan dikategorikan sebagai dokumen terperingkat.

2.9.2 Aspek keselamatan bangunan harus dikekalkan.

2.9.3 Ketua jabatan hendaklah memberi peringatan kepada pegawai di bawah seliaannya supaya meneruskan tugas dan kekal di rumah.

2.9.4 Penjawat awam perlu memastikan agar sentiasa boleh dihubungi sepanjang tempoh waktu bekerja.

2.9.5 Penjawat awam hendaklah sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat (bekerja) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

2.9.6 Penjawat awam hendaklah sentiasa bersedia sekiranya diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain.

3. DUDUK DI RUMAH (STAY AT HOME)

3.1 Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, tuan-tuan dan puan-puan serta keluarga hanya perlu berada di rumah. Luangkan masa bersama anak, isteri dan ahli keluarga. Tidak perlu keluar ke mana-mana. Dengan cara ini, tuan-tuan dan puan-puan terhindar daripada jangkitan COVID-19 dan penularan wabak ini dapat dibendung.

3.2 Dapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala seperti batuk, selesema dan sukar bernafas.

4. INISIATIF DAN BANTUAN COVID-19 KERAJAAN NEGERI MELAKA

4.1 Sehingga kini, pelbagai inisiatif dan bantuan telah dirangka dan sudah mula dilaksanakan bagi meringankan beban pihak yang terjejas akibat COVID-19 yang telah saya umumkan sebelum ini. Antaranya :

4.1.1 Terdapat **(8) Insentif Khas Covid-19** Kerajaan Negeri Melaka dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM6.53 juta** iaitu :

1. Peruntukan khas petugas *frontliner* kesihatan berjumlah **RM0.49 juta**.
2. Pengecualian sewa dan lesen peniaga dan penjaja kecil selama **2 bulan**.
3. Penangguhan bayaran denda lewat cukai tanah
4. Penangguhan bayaran denda lewat cukai strata.
5. Penangguhan bayaran pinjaman pendidikan TAPEM selama **3 bulan**.
6. Pengurangan kos **50%** sewaan rumah kos rendah dan rumah pangsa Lembaga Perumahan Melaka selama **2 bulan**.
7. Penangguhan pengurangan **10%** bil air untuk B40.
8. Penangguhan bayaran bil air bulan **Mac 2020**.

4.1.2 Terdapat beberapa **bantuan COVID-19 MAIM**

antaranya :

1. Tambahan bantuan **RM100** untuk golongan asnaf, fakir miskin dan muafak.
2. Bantuan makanan bukan asnaf bernilai **RM50** hingga **RM100**.
3. Peruntukan sukarelawan asnaf berjumlah **RM75,140**.
4. Peruntukan kepada *frontliner* hospital berjumlah **RM17,000**.
5. Peruntukan sumbangan kepada pusat kuarantin CReATE sebanyak **RM5,000**.
6. Peruntukan sumbangan kepada *frontliner* PDRM sebanyak **RM6,000**.
7. Bantuan MAIM (BMB) berjumlah **RM1,584,400**.
8. Bantuan Bulanan Bank (BBB) berjumlah **RM833,520**.
9. Bantuan Tunai MAIM (BTM) berjumlah **RM152,750**.

4.1.3 Terbaharu, Kerajaan Negeri Melaka juga telah mengumumkan inisiatif tambahan melalui pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri iaitu :

1. Bantuan Khas **Kit Makanan COVID-19** Negeri Melaka.
 - Ia membabitkan implikasi kewangan sebanyak **RINGGIT MALAYSIA DUA JUTA DAN LAPAN RATUS RIBU (RM2.8 JUTA)**.
 - Bantuan kit makanan ini secara *one-off* dengan setiap **DUN** menerima **1,000 kit makanan** membabitkan jumlah keseluruhan **28,000 kit makanan** untuk semua **28 DUN** di Melaka.
 - Diuruskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah
 - Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan

PENUTUP

- * Sekali lagi saya menyeru kepada semua penjawat awam di negeri Melaka supaya dapat berganding bahu dan bersatu hati dalam menghadapi cabaran yang paling getir yang pernah kita hadapi ketika ini.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.